

Tema pantun Cocos di Sabah

ABSTRACT

Masyarakat Cocos di negeri Sabah merupakan etnik minoriti yang sangat unik dari segi kebudayaan dan bahasanya. Mereka digolongkan dalam kategori etnik bumiputera beragama Islam. Walaupun nama mereka berbunyi agak keinggerisan dan pakaian mereka ada percampuran bangsa Portugis dan Jawa, budaya dan bahasa orang Cocos hampir sama dengan orang Melayu di Tanah Melayu dan mereka juga arif dalam tradisi berpantun. Lenggok pengucapan mereka agak unik kerana ia seolah-olah ada gaya sebutan baba nyonya di Melaka. Kajian Pauline Bunce terhadap pantun orang Cocos di Pulau Cocos (Australia) mendapati bahawa pantun masyarakat Cocos hanya bertema kasih sayang dan hanya dilantunkan ketika tarian Selong dipersembahkan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi melihat tema pantun Cocos dengan melakukan kajian lapangan di Kampung Balung Cocos dan Kampung Skim Cocos dalam daerah Tawau. Informan yang dipilih terdiri daripada orang Cocos yang berpengalaman dan berpengetahuan tentang budaya dan pantun Cocos. Dapatan kajian dianalisis secara tematik untuk mengkategorikan tema-tema pantun. Kajian ini mendapati bahawa tema pantun orang Cocos mirip dengan pantun masyarakat Melayu di Nusantara. Perbezaannya hanya terletak pada cara pengucapan yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Pantun ini juga memperlihatkan percampuran bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa pasar dan bahasa asing yang lain. Tema-tema yang ditemui ialah tema cinta dan kasih sayang, budi, mengaco (hiburan), mendongkol (kecewa) dan perpisahan, ajaran (nasihat), agama dan tema pantun kongajar (lucah).